

27 MAR 1996

MP-Menteri Besar

PILIH CALON YANG TIDAK JEJASKAN KESTABILAN UMNO DI KEDAH

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Sembilan Anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) dari Kedah, lapan daripadanya Ketua Umno Bahagian di negeri itu, meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya membuat perubahan yang tidak menjejaskan kestabilan politik Umno di negeri itu jika ingin menukar Menteri Besar Kedah sekarang.

Anggota Parlimen Kuala Kedah, Datuk Zakaria Said, yang bertindak sebagai jurucakap kumpulan itu, berkata mereka mengakui bahawa perlantikan Menteri Besar Kedah adalah hak mutlak Dr Mahathir selaku Perdana Menteri, Presiden Umno dan Pengerusi BN.

"Namun demikian, sekiranya Perdana Menteri/Presiden Umno/Pengerusi BN bercadang membuat perubahan biarlah perubahan ini tidak menjejaskan kestabilan politik Umno Negeri Kedah," katanya pada persidangan berita di ruang legar bangunan Parlimen di sini hari ini.

Zakaria, yang juga Timbalan Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri itu dan Ketua Umno Bahagian Kuala Kedah, berkata semua sembilan anggota Parlimen itu telah berbincang sesama mereka pagi tadi di sini mengenai isu Menteri Besar Kedah yang sedang hangat diperkatakan sekarang.

Selain beliau, mereka yang hadir pada mesyuarat itu ialah Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Kulim/Bandar Baru), Datuk Dr Affifuddin Omar (Padang Terap), Datuk Othman Abdul (Pendang), Datuk Hanafi Ramli (Jerlun), Datuk Badruddin Amiruldin (Yan), Datuk Abu Bakar Taib (Langkawi), Ibrahim Mustaffa (Sungai Petani) dan Wan Hanafiah Mat Saman (Pokok Sena).

Semua mereka, kecuali Wan Hanafiah, merupakan Ketua Umno Bahagian masing-masing. Wan Hanafiah merupakan Naib Ketua Umno Bahagian Pokok Sena.

Anggota Parlimen BN dari Kedah yang tidak hadir pada mesyuarat itu ialah Dr Mahathir (Kubang Pasu), Tun Daim Zainuddin (Merbok), Datuk Dr Abdul Hamid Osman (Sik) dan Raja Datuk Ariffin Raja Sulaiman (Baling).

Dr Mahathir sedang berada di New Zealand untuk lawatan rasmi, Dr Abdul Hamid menghadiri mesyuarat kabinet, Raja Ariffin mempunyai urusan rasmi manakala Daim tidak dapat dihubungi kerana mesyuarat itu diadakan tanpa persiapan awal.

Dua lagi Anggota Parlimen BN dari Kedah mewakili parti MCA iaitu Chor Chee Heung (Alor Setar) dan Lim Lay Hoon (Padang Serai).

Zakaria berkata, mesyuarat itu juga sebulat suara mengulangi ikrar taat setia kepada Dr Mahathir selaku Perdana Menteri, Presiden Umno dan Pengerusi BN yang telah dibuat pada pertemuan 16 Sept tahun lepas.

Mesyuarat 16 Sept itu merupakan perjumpaan antara Dr Mahathir dengan semua senator, anggota Dewan Rakyat dan anggota Dewan Undangan Negeri BN dari Kedah ketika isu Menteri Besar negeri berkenaan sedang hangat diperkatakan.

Menurut Zakaria, mesyuarat hari ini turut mengulangi sokongan sebulat suara mereka kepada Dr Mahathir dalam menentukan soal kedudukan Menteri Besar Kedah seperti yang dilakukan pada 16 Sept lepas.

"Dalam soal Menteri Besar Kedah, kami serahkan mandat yang penuh kepada Perdana Menteri, Presiden Umno dan Pengerusi BN untuk membuat keputusan," katanya.

Ketika ditanya siapakah calon yang tidak akan menjejaskan kestabilan politik negeri itu, Zakaria berkata, Dr Mahathir seorang yang bijaksana dan tentunya tahu siapa paling layak.

Apabila ditanya pula sama ada mereka akan menyokong bekas Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid sebagai Menteri Besar Kedah jika itu

merupakan pilihan Dr Mahathir, beliau berkata: "Siapa sahaja kita sokong. Kita percaya pucuk pimpinan amat bijaksana".

Zakaria berkata, mesyuarat itu diadakan bukan kerana tekanan mana-mana pihak tetapi atas kesedaran mereka sendiri untuk memperbetulkan semula keadaan yang "sedikit tidak betul" sebelum ini.

Sebelum ini, 22 Anggota Dewan Undangan Negeri Kedah dari Umno telah menandatangani memorandum menolak Sanusi sebagai Menteri Besar Kedah dan mahu Tan Sri Osman Aroff dikekalkan. -- BERNAMA

AH NMO